



PUSAT PEMBANGUNAN PROFESIONAL (IPNCPD)
INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Tingkat 1, Menara 2
Wisma Mustapha Kamal Neocyber, Cyber 12
63000 Cyberjaya
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-8324 4400
Fak : 03-8318 7394
Web : <http://www.ipn.gov.my>

Rujukan Kami : JANM-IPNCPD 600-19/4/4 Jld. 3 (18)
Tarikh :  Julai 2020

**KEPADA SEMUA PEGAWAI PERKHIDMATAN PERAKAUNAN SEKTOR AWAM
(SELAIN LANTIKAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA)**

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan

**PELAWAAN MENGIKUTI PROGRAM PENGAJIAN DALAM BADAN PROFESIONAL
PERAKAUNAN KENDALIAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)
BAGI SESI JANUARI - JUN 2021 BAGI PROGRAM:**

- i. **THE CHARTERED INSTITUTE OF MANAGEMENT ACCOUNTANTS (CIMA)
– MIA SPECIAL PATHWAY**
- ii. **THE ASSOCIATION OF CHARTERED CERTIFIED ACCOUNTANTS (ACCA)
– MIA SPECIAL PATHWAY**
- iii. **THE CERTIFIED PRACTISING ACCOUNTANTS AUSTRALIA
(CPAAUSTRALIA) – MIA SPECIAL PATHWAY**
- iv. **THE MALAYSIAN INSTITUTE OF CERTIFIED PUBLIC ACCOUNTANTS
(MICPA) – MICPA - CAANZ**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, JANM melalui Pusat Pembangunan Profesional, Institut Perakaunan Negara, Cyberjaya (IPNCPD) dengan kerjasama rakan strategik badan profesional perakaunan akan membuat pengambilan bagi program yang di atas untuk sesi Januari – Jun 2021. Sehubungan itu, Akauntan Sektor Awam yang layak dan menepati kriteria yang ditetapkan adalah dipelawa untuk mengikuti salah satu daripada program tersebut.

3. Calon yang berjaya dan terpilih untuk menyertai program pengajian dalam badan profesional perakaunan anjuran IPNCPD pada sesi Januari – Jun 2021. Sila rujuk Lampiran A hingga D (mengikut program) untuk maklumat syarat-syarat kelayakan, kalender program, kos dan borang-borang permohonan bagi program yang berkaitan. Kaedah pembelajaran adalah secara bersemuka bertempat di IPNCPD Cyberjaya.

4. Bagi menjayakan inisiatif strategik yang berimpak tinggi ini, sokongan ketua-ketua Jabatan adalah diperlukan bagi membenarkan calon-calon untuk menghadiri kursus dan bengkel yang telah dirancang. Kehadiran ke kursus dan bengkel ini adalah penting untuk menyediakan calon-calon menghadapi peperiksaan program profesional dengan yakin berjaya.

5. Calon-calon yang berminat, bolehlah mengisi borang permohonan program pengajian dalam badan profesional perakaunan yang ingin diikuti bersekali dengan dokumen – dokumen yang dinyatakan seperti di **Lampiran A hingga D**. bersekali dengan dokumen-dokumen yang berkenaan.

6. Borang permohonan yang telah lengkap diisi, beserta dokumen-dokumen sokongan **hendaklah dihantar kepada pihak kami sebelum atau pada 1 September 2020 (Selasa)** kepada alamat berikut:

**Pengarah
Institut Perakaunan Negara
Pusat Pembangunan Profesional
Tingkat 1 (02-01-01) Menara 2, Wisma Mustapha Kamal
Neocyber, Cyber 12,
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
(u.p : Unit Pembangunan Profesional)
Emel: ipncpd@anm.gov.my**

7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung program keahlian dalam badan profesional perakaunan ini, bolehlah diajukan kepada pegawai IPNCPD yang berikut:

- i Pn. Nurul Husna Binti Assanah 03-8324 4405
nurulhusna@anm.gov.my
 - ii Cik Suhailah binti Sadaka Dullah 03-8324 4410
suhailah.dullah@anm.gov.my
 - iii En. Ahmad Areaza bin Abdul Rahman 03-8324 4408
areaaza.rahaman@anm.gov.my


8. Semua Akauntan Sektor Awam amat digalakkan untuk menyertai program ini, bagi menyokong pembangunan kerjaya Akauntan Sektor Awam dan Kerajaan secara amnya. Segala kerjasama yang diberikan dalam menjayakan inisiatif ini demi pembangunan profesion perakaunan sektor awam didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,



DR. D. JOYCE CHRISTINA DHARMARAJ
C.A (M), CPA (Aust), CFFA (UK), ASEAN CPA, FCMA (UK), CGMA
b.p. Pengarah
Institut Perakaunan Negara
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

s.k :

1. Akauntan Negara Malaysia
2. Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
3. Pengarah Institut Perakaunan Negara